

LATIHAN PENGUKUHAN BAHASA MELAYU TAHUN 3 SIRI 13

Disediakan oleh :
Cikgu Norsuhana binti Mohd Nordin
SK Seri Kota

DSKP

SP: 3.2.2

Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan; (iii) bercapah



Baca dan fahami petikan. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KBAT Menilai

Puan Sarah sedang memasak di dapur. Selesai memasak, Puan Sarah menyimpan pisau yang digunakannya di tempat yang tinggi. Kemudian, Puan Sarah menghidangkan masakannya, iaitu kari ayam dan sayur bayam goreng di atas meja. Puan Sarah tidak lupa untuk menutup makanan tersebut dengan tudung saji agar tidak dihinggapinya lalat dan serangga lain.

Shahida membantu ibunya, Puan Sarah di dapur. Dia membersihkan pinggan mangkuk yang kotor di singki. Tiba-tiba, Shahida terlanggar jag yang berisi air di tepi singki. Lantai basah akibat air yang tumpah itu. Shahida segera mengelap lantai itu menggunakan mop. Mereka mungkin akan tergelincir sekiranya memijak lantai yang basah.

1. Mengapakah Puan Sarah menyimpan pisau di tempat yang tinggi?

2. Apakah akibatnya jika kita tidak menutup makanan yang telah dimasak?

3. Mengapakah Shahida mengelap air yang tumpah di atas lantai dengan segera?

4. Apakah sikap yang dimiliki oleh Shahida?
